



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN EDISI KEDUA ASEAN GENDER OUTLOOK: LEAVING NO WOMEN AND GIRLS BEHIND

KUALA LUMPUR, 10 SEPTEMBER – Bagi mengorak langkah ke arah memajukan kesaksamaan gender di Asia Tenggara, Edisi Kedua *ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0)* telah dilancarkan secara rasmi hari ini di Kuala Lumpur, Malaysia dan disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia, mewakili *ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW)*, Malaysia. Majlis pelancaran ini menyerlahkan kepimpinan Malaysia dalam memacu inisiatif berfokuskan gender dalam rantau ASEAN.

Memandangkan ASEAN sedang merangka arah menuju ke Wawasan Komuniti 2045 dan Pelan Strategik Pasca 2025, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menegaskan keperluan untuk mengutamakan gender dan inklusiviti dalam agenda pembangunan rantau ini. Penemuan dalam AGO 2.0 yang merangkumi ketakjaminan makanan, akses terhadap penjagaan kesihatan dan jurang teknologi, telah menyediakan hala tuju kepada usaha rantau ini untuk memastikan kesaksamaan gender dapat dicapai.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri juga menegaskan komitmen teguh Malaysia untuk memperjuangkan kesaksamaan gender di seluruh ASEAN dan menekankan bahawa pengintegrasian perspektif gender ke dalam setiap aspek agenda pembangunan adalah penting untuk membina masa depan yang memberikan peluang kepada setiap wanita dan gadis untuk berkembang maju.

ASEAN Gender Outlook 2.0 yang dibangunkan secara bersama oleh *ASEAN Committee on Women (ACW)* yang dipengerusikan oleh Malaysia, *UN Women*, dan Sekretariat ASEAN menyediakan analisis mendalam terhadap ketidaksaksamaan gender di seluruh rantau ini. Inisiatif ini akan mengubah cara Negara Anggota ASEAN (AMS) mendepani kesaksamaan gender dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Majlis pelancaran tersebut menampilkan pembentangan oleh UN Women mengenai penemuan utama AGO 2.0, diikuti dengan perbincangan panel bertajuk: “Melabur dalam Data bagi Mengesan Kemajuan ke arah Kesaksamaan Gender dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di ASEAN: Pembangunan Dasar Berasaskan Bukti untuk Maklumat Wawasan Komuniti ASEAN Pasca 2025.”

Ahli panel telah menggariskan kuasa transformatif AGO 2.0 dalam membantu kerajaan di seluruh ASEAN mengenal pasti kumpulan wanita dan gadis yang paling terjejas. Berpandukan pengetahuan yang diperolehi melalui data, kementerian dan agensi boleh menyeragamkan mekanisme dan dasar perlindungan sosial yang menangani kepelbagaian pembangunan mengikut gender. Data berasaskan gender bukan sahaja menyerlahkan perbezaan, tetapi turut memberikan kerajaan maklumat dan bukti yang diperlukan untuk membangunkan dasar.

Pelancaran Edisi Kedua ASEAN Gender Outlook (AGO 2.0) berperanan sebagai seruan untuk Negara Anggota ASEAN (AMS) mempergiatkan usaha ke arah kesaksamaan gender di mana paksinya adalah menerusi penggunaan data berasaskan gender bagi memperkasa kerajaan untuk membangunkan dasar yang lebih tepat dan berkesan. Penggubal dasar serta polisi boleh memperoleh maklumat faktor sosial, ekonomi dan geografi yang mempengaruhi ketaksaksamaan gender melalui penemuan yang disediakan oleh AGO 2.0. Ini adalah kerana cabaran yang dihadapi oleh wanita dan lelaki adalah berbeza merentasi pelbagai sektor yang mempengaruhi pelbagai segmen populasi demi memastikan tiada pihak akan tertinggal.

Laporan penuh AGO 2.0 boleh dicapai untuk dimuat turun melalui laman web rasmi Sekretariat ASEAN dan platform gabungan lain mulai 27 September 2024.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 SEPTEMBER 2024**